

ABSTRAK

Pengajian tentang Fiqh Islam adalah suatu yang dinamik. Ia sentiasa berkembang dan berubah dari semasa ke semasa bergantung kepada keadaan, suasana serta kepegluan hidup manusia di sesebuah tempat. Perlunya Fiqh Islam kepada perubahan semakin ketara khususnya dalam bidang Sains Perubatan yang berkaitan dengan penyakit disebabkan kemajuan teknologi perubatan selaras dengan persaingan globalisasi dan anjakan paradigma telah membolehkan penyakit-penyakit yang dahulunya tidak boleh dirawat dan diubati, tetapi kini telah berjaya dipulihkan sepenuhnya. Kalau tidak pun, ia berjaya dikurangkan bagi membolehkan pesakit menjalani kehidupan yang normal seperti orang lain. Para fuqaha' mazhab telah pun membahagikan penyakit kepada jenis-jenis tertentu untuk membolehkan fasakh perkahwinan. Di antara penyakit yang telah diterima oleh keempat-empat imam mazhab ada lapan jenis yang mana telah dibahagikan kepada tiga kumpulan. Pertama ialah penyakit yang berlaku kepada lelaki sahaja iaitu *al-'unnah*, *al-jabb* dan *al-khisā'*. Kedua ialah penyakit yang berlaku kepada wanita sahaja iaitu *al-qarn* dan *al-ratq* dan ketiga ialah penyakit yang berlaku kepada lelaki dan wanita iaitu *al-junūn*, *al-judhām* dan *al-baras*. Seterusnya penulisan ini akan melihat kesemua penyakit yang dinyatakan oleh fuqaha' tadi dari perspektif Sains Perubatan serta melihat peranan yang dimainkan oleh Sains Perubatan dalam menentukan adakah penyakit yang tersebut itu boleh dirawat atau dipulihkan. Kemudian melalui penulisan ini akan menentukan sama ada penyakit yang telah diutarakan oleh fuqaha' silam masih relevan dan diterima sebagai alasan fasakh pada masa kini atau tidak. Akhirnya, penulisan ini juga akan cuba mengemukakan penyakit-penyakit baru yang tidak disebutkan oleh fuqaha' silam tetapi mempunyai ciri-ciri yang sama, malah lebih kritikal lagi berbanding dengan penyakit-penyakit yang telah dinyatakan sebelum ini.

ABSTRACT

The study of Islamic jurisprudence (fiqh) is a dynamic exercise. It constantly evolves and changes in certain time frames depending on situation, environment and the needs of human life in a particular place. The need of Islamic jurisprudence to change becomes obvious especially in the field of medical science that involves diseases (in this case sexual or reproductive diseases). This is due to advancements in medical technology in line with competition in globalization and paradigm shifts that have enabled certain diseases previously considered incurable to finally be treated or even fully cured. Even if this is not the case, a sufferer's condition is at least alleviated to an extent where he or she can lead a semblance of normal life. The jurist (*fuqaha*) of various *sunni* schools (*madhāhib*) have already divided diseases into various types that enables the annulment (*fasakh*) of marriage. Among the diseases accepted by all the four heads of the four *sunni* schools are eight types which are further divided into three groups. The first occurs only in men which are *al-'unnah*, *al-jabb* and *al-khiṣa'*. The second occurs only in women which are *al-qarn* and *al-ratq*. The third occurs in both genders which are *al-junūn*, *al-judhām* and *al-baras*. This thesis will accordingly analyze all of these diseases that have been mentioned from the perspective of medical science and the role of medical science in ascertaining the treatment and curability of each diseases. It will then be ascertained whether or not the diseases put forward by jurist in the past are still relevant and accepted as reasons for the dissolution of marriage. Finally, this thesis will also put forward new diseases that have not been mentioned by jurists of the past but which may have similar characteristics and are perhaps even more critical when compared to those diseases stated earlier.

Optika